

**Hong Leong Selesai Penerbitan Ringgit Pertama Nota Subordinat RM500 Juta
Bernama
Jun 23, 2014**

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Hong Leong Bank Bhd berjaya menyelesaikan penerbitan ringgit pertamanya nota subordinat RM500 juta di bawah program nota subordinat pelbagai mata wang sehingga RM10 bilion (atau setara dalam mata wang lain) dalam nilai nominal.

Dalam kenyataan di sini Isnin, katanya nota subordinat yang diberi penarafan AA2 oleh RAM Rating Services Bhd dan layak sebagai modal Tahap 2 HLB mengikut Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) Bank Negara Malaysia diterbitkan pada 28 Nov 2012.

Nota subordinat mempunyai tarikh matang 10 tahun daripada tarikh terbitan dan boleh dipanggil oleh HLB pada sebarang tarikh pembayaran kupon jatuh pada atau selepas ulang tahun kelima dari tarikh penerbitan, katanya.

Kupon setengah tahun 4.80 peratus setahun akan dibayar daripada nota subordinat.

Pelaksanaan pilihan panggilan pada nota subordinat tertakluk kepada kelulusan BNM.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048729>